

Rapatkan jurang penjagaan kanser -PM

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyeru semua pihak supaya membantu meraapatkan jurang penjagaan kanser di negara ini.

Katanya, seruan tersebut adalah bersempena dengan Hari Kanser Sedunia 2022.

“Pada 15 Januari lalu, saya melawat Nurshazrina Suryanto di rumahnya di Pangsapuri Megah Villa. Pelajar tingkatan tiga ini menghidap kanser tulang tahap empat.

“Ada pegawai saya menghidap kanser payudara. Selepas lapan tahun bertarung, dia *survive*,” katanya menerusi akaun Facebook miliknya.

Justeru, beliau menganggap, sokongan moral adalah penting kepada para pesakit kanser.

“Saya percaya ramai di antara kita mempunyai saudara mara atau rakan-rakan yang bertarung dengan kanser.

“Sokongan Keluarga Malaysia kepada pesakit kanser amat penting untuk mereka terus berjuang melawan kanser.

“Rapatkan jurang penjagaan kanser. Pengeesanan awal dapat meningkatkan peluang untuk sembuh,” katanya.